

**Prof Madya Dr Mohd Mahadee Ismail**

Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Soalan (S):** Isu pertandingan dua jawatan utama UMNO semakin kuat diperkatakan menjelang perhimpunan agung parti itu minggu depan. Sejauh mana polemik ini memberikan kesan kepada parti?

**Jawapan (J):** Polemik pertandingan dua jawatan utama UMNO adalah normal dan lumrah dalam dunia politik, termasuk dalam mana-mana parti politik. Cuma ahli parti mahu perubahan dan penambahbaikan ke arah mengukuhkan kedudukan parti politik mereka. Maka, kedudukan dua jawatan utama ini pasti menjadi faktor pemangkin paling penting menentukan survival parti.

Dalam skenario politik baharu selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), ahli parti mahu teraju yang benar-benar mampu mengembalikan keyakinan ahli dan orang Melayu terhadap perjuangan UMNO. Silap pilih teraju pasti menjejaskan kedudukan parti mereka. Apa yang penting dalam skenario politik sekarang ialah ketelusan, keadilan dan keterangkuman.

**S:** Sejauh mana Dr melihat keperluan pertandingan pemilihan kali ini, khususnya bagi dua jawatan utama

bagi dua jawatan utama bagi membolehkan proses reformasi parti dapat dilaksanakan selepas tewas teruk PRU15?

**J:** Sememangnya pertandingan pemilihan UMNO amat signifikan kali ini untuk menjamin perubahan dan kesinambungan parti selepas tewas teruk PRU15. Kedudukan UMNO amat dipengaruhi kepemimpinan utama parti, karisma pemimpin dan agenda perjuangan serta perubahan dibawa. Sekiranya parti mahu mengekalkan kepemimpinan sekarang, sejauh mana mereka mampu membawa perubahan serta mengubah persepsi ahli serta orang Melayu terhadap UMNO.

Adakah mereka mampu mengukuhkan kedudukan UMNO? Maka, untuk memulihkan kembali UMNO, ahli parti perlu muhasabah diri, melihat di mana kesilapan teraju parti sebelum ini sehingga makin lama makin merosot sokongan Melayu terhadap UMNO. Mereka perlu melihat secara tuntas siapa sebenarnya yang paling berkesan dan berpengaruh dalam memartabatkan kembali kedudukan UMNO di mata rakyat Malaysia.

**S:** Perebutan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, bahkan jika berlaku perubahan kepemimpinan dikatakan boleh menggugat Kerajaan Perpaduan. Apa

pandangan Dr?

**J:** Dalam politik macam-macam boleh berlaku. Perubahan teraju kepemimpinan UMNO mungkin boleh menggugat kedudukan Kerajaan Perpaduan jika pemimpin baharu tidak sehaluan dengan gagasan pembentukan kerajaan hari ini atau mungkin juga tidak menjejaskan kerajaan sekiranya



# UMNO perlu pemimpin 'paling berbisa' martabat kembali kedudukan

Polemik pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO terus hangat dibincangkan meskipun Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan beliau sedia dicabar. Pada masa sama, Perhimpunan Agung UMNO kali ini dilaporkan akan membincangkan pendirian rasmi parti merangkumi kerjasama dengan Pakatan Harapan (PH) dalam Kerajaan Perpaduan serta jajaran baharu menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN). Wartawan BH meninjau sejauh mana kesan pertandingan dua jawatan tertinggi itu dan penyertaan dalam Kerajaan Perpaduan menentukan kelangsungan UMNO.



mandangkan terdapat beberapa pemimpin UMNO terpalit kes rasuah dan salah guna kuasa, walaupun belum disabitkan kesalahan di mahkamah, persepsi negatif sudah wujud. Bagaimana hendak tonjolkan imej baharu UMNO bebas rasuah jika ada kepemimpinan utama UMNO masih terpalit kes terbahit. Hendak pulihkan persepsi masyarakat terhadap UMNO, sudah pasti perlu tonjolkan pemimpin bersih, tiada isu dan tiada kes mahkamah. Selagi mana UMNO gagal tonjolkan pemimpin bersih, selagi itulah saya kira UMNO sukar membawa naratif baharu parti mendaulatkan integriti.

**S:** Keputusan PRU15 menunjukkan peralihan sokongan pengundi Melayu kepada Perikatan Nasional (PN) dengan ramai menjangkakan gelombang itu berterusan sehingga pilihan raya negeri (PRN) tahun ini. Sejauh mana senario itu mempengaruhi perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO nanti?

**J:** Jika kita lihat trend semasa memang sokongan pengundi Melayu hari ini lebih cenderung kepada PN dan mungkin berterusan pada PRN di enam negeri tahun ini. Perkara ini perlu diberikan perhatian serius terhadap perwakilan UMNO bukan sahaja enam negeri itu tidak dikuasai mereka, malah mungkin semakin jauh daripada UMNO sekiranya kepemimpinan parti gagal membawa keajaiban menarik sokongan pengundi.

Untuk membawa keajaiban dalam keadaan sekarang pasti bukan tugas mudah sebab musuh politik mereka juga sedang merancang perkara sama. Oleh

**S:** Ada pihak beranggapan dengan kepemimpinan sekarang, UMNO sukar membawa naratif baharu yang parti ini serius untuk bebas daripada imej rasuah. Bagaimana Dr melihat naratif ini?

**J:** Ya betul, persepsi masyarakat perkara amat sukar diubah. Me-

itu, saya kira perwakilan UMNO akan meletakkan perkara ini sebagai asas paling kukuh dalam menentukan teraju kepemimpinan UMNO nanti.

**S:** Apakah fokus utama dan tindakan susulan sepatutnya dilaksana UMNO ketika ini, selepas tewas teruk PRU15?

**J:** Fokus utama UMNO kini ialah membuat perubahan secara total dan holistik kepada parti. Ada lima perkara penting perlu dilakukan. Pertama, menentukan teraju kepemimpinan parti mampu membawa perubahan dan keajaiban, khususnya memulihkan kembali keyakinan orang Melayu terhadap UMNO. Kedua, menentukan hala tuju dan dasar baharu perjuangan parti supaya seiring perubahan masyarakat Malaysia. Ketiga, memulihkan imej serta persepsi masyarakat terhadap parti semakin tercalar. Keempat, membersihkan parti daripada sebarang gejala negatif seperti rasuah dan salah guna kuasa. Kelima, turun ke akar umbi dengan lebih meluas dan menyeluruh bagi mengenal pasti serta mengambil tindakan terbaik segala permasalahan berlaku di bawah.

**S:** Hubungan Barisan Nasional (BN) dengan Pakatan Harapan (PH) dikatakan lebih menguntungkan UMNO berbanding komponen seperti MCA dan MIC kerana segmen pengundi sama dengan DAP dan PKR untuk kerusi campuran. Apa pandangan Dr?

**J:** Betul saya setuju kerjasama BN-PH menguntungkan UMNO sebab komponen BN sendiri tidak kuat dan gagal berperanan sebagai parti politik penting dalam BN. Mudah sahaja, undi

Cina hari ini jauh lebih cenderung kepada DAP berbanding MCA, suara orang Cina ialah kepada DAP, maka peranan MCA semakin mengecil dan dalam kerjasama BN-PH juga mereka tidak mendapat manfaat besar. Apa yang lebih penting ialah mereka perlu melakukan perubahan untuk menarik kembali sokongan kumpulan etnik mereka kepada parti. MCA dan MIC pada kedudukan hari ini menjadi parti serpihan kecil yang semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan pengundi mereka.

**S:** Ramai ahli UMNO mula gusar dan dibelenggu dilema susulan pendirian kepemimpinan UMNO bersetuju membawa parti itu untuk menyertai Kerajaan Perpaduan diterajui PH. Apakah pendirian ini berisiko terhadap masa depan UMNO?

**J:** Dalam keadaan politik sekarang, gaya berpolitik perlu berubah, disesuaikan dengan perubahan dan perkembangan zaman. Gaya politik lama tidak lagi sesuai dan ketinggalan. Parti politik hari ini perlu jauh lebih terbuka, tidak lagi terperangkap dengan skop pemikiran kecil, terlalu ortodoks dan taasub dengan perjuangan lama yang belum tentu menguntungkan. Mereka perlu fleksibel dalam dunia politik moden yang sentiasa menuntut perubahan dan pembaharuan, ketelusan dan keadilan total. Maka, UMNO perlu lebih terbuka dengan senario politik semasa hari ini. Segala tindakan dibuat sudah pasti ada risiko. Apa yang utama, UMNO perlu berubah untuk kelangsungan masa depan lebih baik.